



**Unit Digital di Bahagian Teknologi Maklumat (BTM), Pejabat SUK Pahang** ingin mempelawa individu-individu yang berkelayakan, dinamik, mempunyai ciri-ciri kepimpinan dan berpengalaman luas dalam bidang Teknologi Maklumat bagi mengisi kekosongan jawatan **mulai 16 Januari 2023** seperti berikut :

## IJAZAH SARJANA MUDA/IJAZAH SARJANA MUDA KEPUJIAN

KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED F41 (KONTRAK)	KEKOSONGAN <b>1</b>
---	------------------------



### Syarat Kelayakan Minimum:

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur sekurang-kurangnya **28 tahun** pada tarikh tutup iklan;
3. Memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam Bidang Sains Komputer dan Teknologi Maklumat atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
4. Pengalaman kerja **minimum 5 tahun** dalam pengurusan dan perancangan projek ICT. **Keutamaan bagi calon yang memiliki pengalaman dalam pengurusan projek ICT terutama berkaitan Pelan Digital;**
5. Memiliki sifat kepimpinan yang cemerlang, komited, berintegriti, berwawasan dan profesional dalam pengurusan projek;
6. Mempunyai kemahiran dalam perancangan strategik, penyelesaian isu / masalah, pembentangan pelaporan kepada pihak berkepentingan, komunikasi cemerlang dan berkesan;

## **RINGKASAN TUGASAN F41 UNIT DIGITAL NEGERI PAHANG**

- a. Menjalankan tugas sebagai urusetia kepada Majlis Digital Negeri Pahang dan urusetia kepada Mesyuarat Pemantauan Pelaksanaan.
- b. Menyediakan dan membentangkan laporan status pelaksanaan inisiatif digital dalam Pelan Digital Negeri Pahang kepada Majlis Digital Negeri Pahang.
- c. Memantau dan menilai perkembangan pelaksanaan dan melakukan penambahbaikan serta tindakan progresif dalam meminimumkan permasalahan perkara berbangkit bagi setiap inisiatif digital.
- d. Memperhalusi dan mencadangkan penetapan KPI bagi setiap peneraju inisiatif digital.
- e. Menguruskan penyediaan mekanisma pemantauan pelaksanaan atau KPI secara atas talian.
- f. Menguruskan penyimpanan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan Majlis Digital Negeri Pahang dengan sistematik dan selamat.
- g. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh jabatan dari semasa ke semasa

**Calon yang berminat dan memenuhi kelayakan perlu menghantar SURAT PERMOHONAN beserta RESUME yang lengkap ke alamat:**

**Unit Pembangunan Organisasi,  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang,  
Tingkat 2, Blok B, Wisma Sri Pahang,  
25503 KUANTAN**

**atau emel ke: [pobpsm@gmail.com](mailto:pobpsm@gmail.com)**

*Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga.*

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN PADA ATAU SEBELUM  
29 JANUARI 2023 (AHAD) JAM 11.59 MALAM.**